

Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/6/4
Tarikh : 31 Mei 2022

MALAYSIAN
INVESTMENT
DEVELOPMENT
AUTHORITY



MIDA SENTRAL
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

T : +603 2267 3633
F : +603 2267 7970
E : investmalaysia@mida.gov.my
www.mida.gov.my

NOTIS PELAWAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL: 15/2022
PERKARA : SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN
MIDA GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada :

Pelawaan Sebutharga oleh :

Sesiapa Yang Berkenaan

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
(MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

No. Telefon : 03 – 2267 3633
No. Faks : 03 – 2274 7970

Sebutharga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah **Kod Bidang:-**

- 210103 Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-Shelf packages including maintenance; ATAU**
- 210104 Software/System development/Customization and maintenance including data entry, data processing; ATAU**

- 210106 *Data management – provide service including maintenance (database / web hosting, disaster, planning / recovery, information storage/retrieval); ATAU*
- 210107 *ICT security and maintenance (IDS, firewall, Encryption, PKI anti-virus); ATAU*
- 210108 *Multimedia-products, services and maintenance (video conferencing, web cast, Graphic design, animation); DAN*
- 210110 *Geographic Information System (GIS) And Services*

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

1. PERINGATAN

- 1.1 Penyebutharga-penyeutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
- 1.2 **Pastikan dokumen sebutharga ditaip mengikut format seperti yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas teknikal dan harga (*softcopy dibekalkan*).**
- 1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
- 1.4 Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

Pendaftaran penyebutharga-penyeutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyeutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST)

dikeluarkan, tindakan tata tertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh perkhidmatan bagi perolehan ini adalah **ENAM (6) BULAN**.

4. DOKUMEN SEBUTHARGA

BAB 1 – Surat Akuan Penyebutharga & Surat Akuan Pembida

BAB 2 – Spesifikasi Teknikal

BAB 3 – Jadual Maklumbalas Teknikal

BAB 4 – Keterangan Mengenai Kakitangan & Pengalaman Syarikat

BAB 5 – Jadual Maklumbalas Harga

BAB 6 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

5. PENYERAHAN SEBUTHARGA

- 5.1 Dokumen sebutharga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA termasuk 'soft-copy' (perlu dikemukakan) tidak lewat jam **12.00 tengah hari pada 15 Jun 2022 (Rabu)**.
- 5.2 Sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara 'soft-copy' dengan 'hard-copy', MIDA akan menggunakan maklumat dalam 'hard-copy' sebagai penentu.
- 5.3 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **dua (2) sampul surat berlakri (sealed) beserta dokumen-dokumen yang mestilah dikembalikan** dan ditanda bahagian atas sampul surat itu dengan:-

A

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MIDA
GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)
(TEKNIKAL)**

SEBUTHARGA MIDA BIL. : 15/2022

DITUTUP PADA : 15 JUN 2022

MASA : SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI

B

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MIDA
GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)
(HARGA)**

SEBUTHARGA MIDA BIL. : 15/2022

DITUTUP PADA : 15 JUN 2022

MASA : SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI

Dokumen-dokumen yang mesti **dikembalikan** ialah :-

Sampul (A) – Dokumen Teknikal

1.	Bab 3	Jadual Maklumbalas Teknikal	<input type="checkbox"/>
2.	Bab 4	Pengalaman & Projek Syarikat :- ➤ Pengalaman/Profil Syarikat ➤ Projek Yang Sedang Dilaksanakan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3.		'Soft-Copy' Jadual Maklumbalas Teknikal	<input type="checkbox"/>

Sampul (B) – Dokumen Harga

1.	Bab 1	Surat Akuan Petender Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
2.	Bab 5	Jadual Maklumbalas Harga	<input type="checkbox"/>
3.	Bab 6	Butir-Butir Petender & Maklumat kewangan syarikat :- ➤ Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir	<input type="checkbox"/>
4.		Salinan Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan (MOF)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
5.		'Soft-Copy' Jadual Maklumbalas Harga	<input type="checkbox"/>

- 5.4 Jika sebut harga dihantar dengan **menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier**, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- 5.5 Senarai semakan Sebut Harga bagi dokumen-dokumen yang disertakan adalah seperti di **Lampiran Semakan**.

Semua sebutharga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

5.6 Sebutharga hendaklah diserahkan di:-

**Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

6. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

6.1 HARGA

Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskaun, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

6.2 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

6.3 BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

6.4 PERSETUJUAN

- (a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (b) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6.5 PEMERIKSAAN

- (a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

6.6 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6.7 PENOLAKAN

- (a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

6.8 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

6.9 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah dierangkan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6.10 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

6.11 LARANGAN

- (a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.
- (b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barang MIDA.

6.12 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan

- (d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

6.13 PENAMATAN

- (a) MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya.
- (b) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebutharga tuan.
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- (d) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- (e) Apabila syarikat diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

6.14 PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHİ UNDANG-UNDANG

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.

- (b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

7. PENERIMAAN SEBUTHARGA

- 7.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya disetujuterima.
- 7.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebutharga atau yang diubahsuai adalah diterima.

8. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebutharga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen sebutharga mula diedarkan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan **YM Tengku Shahriman Tengku Zainal Abidin, Bahagian Pembangunan Sistem IT** di talian **03-2267 3718** dan emel : **shahriman@mida.gov.my** atau Encik Mohd

**Adham Muhammad, Bahagian Pengurusan Korporat di talian 03-2267 3542 dan
emel : mohdadham@mida.gov.my.**

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

b/p 

(NORMI ALIAS)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL
NO. 5, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR**

**SEBUTHARGA MIDA BIL. 15/2022
SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MIDA *GEOGRAPHIC
INFORMATION SYSTEM (GIS)***

Kepada:

Penyebutharga-penyeutharga,

**Borang ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan JADUAL TEKNIKAL
DAN JADUAL HARGA di dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI (A) DAN (B)**

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

Tuan,

**SEBUTHARGA MIDA BIL: 15/2022
SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MIDA *GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)***

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebutharga-sebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebutharga yang saya beri ini akan sahlaku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam

tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.
5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama : _____

(Tandatangan
Penyebutharga)

Alamat dan Cop :
Rasmi Syarikat

Tarikh :

Nama Saksi : _____

(Tandatangan Saksi)

Alamat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MIDA *GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)*

(SEBUTHARGA MIDA NO. 15/2022)

Saya, nombor K.P.
yang mewakili syarikat
nombor Pendaftaran syarikat dengan ini
mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA
atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti
di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-
mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas,
maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat :

BAB 2

SPESIFIKASI TEKNIKAL

1.0 TUJUAN

Sebutharga ini adalah untuk membekal, membangun, merekabentuk, memasang, menguji, mentauliah dan melaksanakan penambahbaikan MIDA *Geographic Information System* (MIDA GIS).

2.0 LATARBELAKANG

MIDA telah membangunkan *Geographic Information System (GIS)* yang menyediakan maklumat geospatial bagi 77 pemaju/pengurus *Industrial Estate* (IE) dengan 141 kawasan perindustrian serta fasiliti-fasiliti di Malaysia. Selain itu terdapat juga maklumat syarikat-syarikat yang sedang beroperasi. Maklumat-maklumat tersebut dijadikan rujukan oleh pegawai MIDA dalam menambah keberkesanan mempromosikan kawasan industri kepada pelabur yang secara tidak langsung menarik minat pelabur asing ke negara ini.

Pengguna MIDA GIS :

No.	Pengguna	Peranan (Role)
1.	Semua Kakitangan MIDA	<i>Viewer – All IE information</i>
2.	Pemaju Kawasan Perindustrian	<i>Viewer – All IE information</i>
3.	Orang Awam (<i>Public</i>), Syarikat, Organisasi, Agensi Kerajaan	<i>Viewer – Limited IE information</i>
4.	Kakitangan MIDA – <i>Domestic Investment Division / Bahagian Pelaburan Tempatan</i>	<i>System Administrator</i>
5.	Kakitangan MIDA – IT System Development Division (IT)	<i>Super Administrator</i>

- 2.1** Antara fungsi dan ciri-ciri yang terdapat dalam MIDA GIS sedia ada adalah seperti berikut:
- i. Pendaftaran Pengguna;
 - ii. Carian kawasan perindustrian berdasarkan parameter *State, Industry Group, Industry Sector*;
 - iii. Carian kawasan perindustrian berdasarkan kategori/jenis kawasan perindustrian;
 - iv. *Polygon Mapping* bagi 141 kawasan perindustrian;
 - v. Paparan peta memaparkan maklumat di dalam data spatial;
 - vi. *Navigator tool* bagi memaparkan lapisan data dalam peta;
 - vii. Carian maklumat syarikat berdasarkan nama syarikat.

Antaramuka MIDA GIS sedia ada adalah seperti di Lampiran 1

- 2.2** MIDA GIS telah dibangunkan dengan menggunakan *cloud platform* berikut:
- o *ArcGIS Online Named User Level 2 Term License Up to 5 Named Users & 2500 Credits Included*
 - o *ArcGIS For Desktop Advanced – Single Use*

2.3 Kekangan Sistem Sedia Ada

- i. Sistem MIDA GIS sedia ada tidak mempunyai fungsi yang membenarkan pihak ketiga (pemaju/pengurus kawasan perindustrian) untuk mengemaskini data-data kawasan perindustrian secara *online*;
- ii. Maklumat kawasan perindustrian yang sedia ada perlu dikemaskini secara manual terlebih dahulu sebelum dimuatnaik mengikut format ArcGIS;
- iii. Proses kemaskini maklumat Kawasan perindustrian mengambil masa kerana ianya dibuat secara manual. Oleh itu, maklumat kawasan perindustrian tidak tepat dan bukan *real-time*.

- iv. Terdapat kekangan ke atas versi ArcGis yang dilanggan oleh MIDA ketika ini dan ini menyukarkan MIDA untuk membuat penambahbaikan ke atas sistem.

Semua kekangan di atas perlu diatasi di dalam sistem yang dicadangkan.

3.0 SKOP KERJA

Skop kerja terdiri adalah tidak terhad kepada keperluan seperti di bawah iaitu:

- i. Membangunkan Portal MIDA GIS;
- ii. Menyediakan Modul Pendaftaran Pengguna;
- iii. Menyediakan Modul untuk Pemaju/Pengurus kawasan perindustrian;
- iv. Menyediakan Modul untuk Syarikat;
- v. Menyediakan Modul untuk Pentadbir Sistem (*System Administrator*);
- vi. Melaksanakan migrasi data sedia ada ke dalam MIDA GIS yang baharu;
- vii. Menyediakan Dashboard dan Analisa Pelaporan;
- viii. Memasang dan menempatkan MIDA GIS baharu di *cloud hosting* yang disediakan MIDA;
- ix. Menyediakan dokumen-dokumen berkaitan pembangunan sistem antaranya *user requirement*, *system design*, *source code*, *user manual* dan lain-lain;
- x. Membangunkan di atas infrastruktur berdasarkan web di bawah pelayar web biasa (i.e. Internet Explorer (IE), Google Chrome, Mozilla Firefox, Safari).
- xi. Memastikan sistem harus serasi dengan platform peranti mudah alih (i.e. iOS, Android).
- xii. Menyediakan pelan perlaksanaan projek secara terperinci;
- xiii. Melaksanakan latihan kepada pentadbir sistem dan pengguna; dan
- xiv. Melaksanakan *Transfer of Technology (TOT)* bagi membolehkan pengambilalihan penyelenggaraan sepenuhnya selepas habis tempoh waranti.

4.0 KEPERLUAN TEKNIKAL

Syarikat dikehendaki menambahbaik MIDA GIS dengan memenuhi keperluan tetapi **tidak terhad kepada keperluan yang dinyatakan**:

4.1 MEMBANGUNKAN PORTAL MIDA GIS

- i. Membina dan menyediakan portal MIDA GIS dengan rekabentuk yang menarik, mesra pengguna dan terkini serta mematuhi garis panduan jenama MIDA. Rujuk Lampiran 2 – MIDA Branding Guidelines. Syarikat boleh mencadangkan pembangunan semula MIDA GIS;
- ii. Portal MIDA GIS perlulah menyediakan fungsi-fungsi berikut:
 - Pendaftaran pengguna;
 - Paparan maklumat kawasan perindustrian dan syarikat pada koordinat yang tepat, peta dan lokasi, infrastruktur dan fasiliti serta fungsi *navigation*;
 - Paparan maklumat adalah mengikut peringkat pengguna;
 - Menyediakan maklumat fasiliti-fasiliti yang ada di Malaysia secara integrasi API dengan data yang disediakan oleh Pusat Geospatial Negara (PGN);
 - Fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat mengikut geografi, poligon kawasan perindustrian, sektor dan syarikat, kesediaan infrastruktur dan fasiliti (eg. *point-of-interest*, logistic).
 - Fungsi perbandingan maklumat (*compare listing*);
 - Fungsi pengumuman / makluman terkini;
 - Ruangan jualan online untuk masa akan datang (penjualan data API, sewaan ruang iklan dan sebagainya);
 - Mencetak dan ekspot maklumat ke format PDF, CSV dan XLSX; dan
 - Perkongsian maklumat di sosial media.

- iii. Menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) *mockups* rekabentuk portal termasuk *landing page*, *secondary page*, dashboard dan pendaftaran pengguna;
- iv. Membina Portal MIDA GIS dengan menggunakan platform perisian *Open Source* dan pengaturcaraannya perlulah berasaskan PHP Object Oriented Framework Laravel;
- v. Menyediakan fungsi *Hits pelawat*;
- vi. Kebolehaksesan World Wide Web Consortium (W3C);
- vii. Memastikan halaman boleh dicapai dengan pantas;
- viii. Memastikan portal mempunyai ciri *printer friendly*;
- ix. Membangunkan di atas infrastruktur berasaskan web di bawah pelayar web biasa (i.e. Internet Explorer (IE), Google Chrome, Mozilla Firefox, Safari);
- x. Memastikan portal MIDA GIS yang dibangunkan harus serasi dengan platform peranti mudah alih (i.e. iOS, Android);
- xi. Memastikan portal MIDA GIS dilindungi daripada ancaman pencerobohan.
- xii. Memastikan kaedah enkripsi HTTPS digunakan bagi setiap transaksi diantara pelayan dan pengguna portal.
- xiii. Memastikan keperluan sekuriti minima telah dilaksanakan seperti di bawah dan boleh mencadangkan pendekatan lain yang sesuai.
 - pengesahan log masuk pengguna;
 - perlindungan dari serangan *cross-site scripting (XSS)*;
 - perlindungan daripada serangan *SQL injection*;
 - *Secured Socket Layer (SSL)*;
 - validasi domain atau emel bagi mana-mana input emel; dan
 - *User session management*.
- xiv. Membaca dan menyimpan maklumat pemetaan kawasan bagi setiap IE dan syarikat ke dalam pangkalan data.
- xv. Paparan peta asas menggunakan peta daripada *service provider* samada dalam format vector atau raster.

4.2 MENYEDIAKAN MODUL PENDAFTARAN PENGGUNA

- i. Menyediakan fungsi pendaftaran pengguna, kemaskini maklumat profail dan *change/forgot password*;
- ii. Menambah ciri keselamatan reCaptcha pada halaman log masuk dan pendaftaran untuk mengenalpasti pengguna yang sah;

4.3 MENYEDIAKAN MODUL UNTUK PEMAJU/PENGURUS KAWASAN PERINDUSTRIAN

- i. Menyediakan fungsi penyimpanan dan kemaskini maklumat profail pemaju/pengurus kawasan perindustrian. Maklumat pemaju/pengurus kawasan perindustrian adalah tidak terhad kepada maklumat berikut:
 - *Developer's Name*
 - *List of Industrial Park*
 - *Contact Person*
 - *Email*
 - *Contact Number*
 - *Email*
 - *Any pictures related to Industrial Park*
- ii. Menyediakan fungsi penyimpanan maklumat kawasan perindustrian. Maklumat kawasan perindustrian adalah tidak terhad kepada maklumat berikut:
 - *Industrial Park Name*
 - *State*
 - *Sector/Industry Groups*
 - *Sub-Sectors*
 - *Products*
 - Pemetaan poligon (sempadan kawasan perindustrian) secara *digitize*
 - *Any pictures related to Industrial Park*

- iii. Menyediakan fungsi kemaskini, *save as draft, publish, unpublish* maklumat kawasan perindustrian;
- iv. Menyediakan fungsi '*auto reminder e-mail*' bagi pengemaskinian maklumat.
- v. Menyediakan fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat mengikut geografi, sektor, kesediaan infrastruktur dan fasiliti (eg. *point-of-interest, logistic*).

4.4 MENYEDIAKAN MODUL UNTUK SYARIKAT

- i. Menyediakan fungsi penyimpanan maklumat profail syarikat. Maklumat syarikat adalah tidak terhad kepada maklumat berikut:
 - *Company Name*
 - *ROC No*
 - *SSM No*
 - *Contact Person*
 - *Email*
 - *Contact Number*
 - *Address*
 - *Status*
 - *Industry Group*
 - *Products*
 - *Location Coordinate*
 - *Attachment document for verification by MIDA*
- ii. Menyediakan fungsi kemaskini, *save as draft, publish, unpublish* maklumat syarikat;
- iii. Menyediakan fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat.

4.5 MENYEDIAKAN MODUL UNTUK PENTADBIR SISTEM (SYSTEM ADMINISTRATOR)

Menyediakan fungsi fasiliti untuk Pentadbir Sistem (System Administrator) bagi

- i. Mengesahkan pendaftaran pemaju/pengurus kawasan perindustrian dan syarikat;
- ii. Menyediakan fungsi kemaskini, save as draft, publish, unpublish maklumat kawasan perindustrian dan syarikat;
- iii. Mengurus dan mengemaskini maklumat rujukan seperti Industry Group, Sub-Sector;
- iv. Menyediakan *User Access Management Module* di mana maklumat yang dibenarkan untuk dipapar diskrin mengikut kategori pengguna sistem (Pemaju kawasan perindustrian, syarikat/organisasi / *individual public* / kakitangan MIDA);
- v. Menyediakan fasiliti *upload* data ke *back-end / database*;
- vi. Menyediakan fasiliti *download* maklumat dalam format excel / pdf;
- vii. Menyediakan fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat mengikut geografi, sektor, kesediaan infrastruktur dan fasiliti (eg. *point-of-interest*, logistic).

4.6 DASHBOARD & ANALISA PELAPORAN

Syarikat dikehendaki melaksanakan tidak terhad kepada keperluan berikut:

- i. Menyediakan dashboard untuk semua jenis pengguna;
- ii. Menyediakan pelaporan statistik berdasarkan kawasan perindustrian, syarikat, jenis industri/sektor, negeri dan sebagainya.
- iii. Menyediakan fungsi cetak dan ekspot data ke format Excel, Word dan PDF.
- iv. Memastikan terdapat ciri *audit trail* dan pelaporan analitik bagi tujuan menganalisis data dan demografi pengguna portal.

4.7 MIGRASI DATA SEDIA ADA, INTEGRASI (API) DAN GEOCODE

Syarikat dikehendaki melaksanakan tidak terhad kepada keperluan berikut:

- i. Melaksanakan migrasi data/maklumat bagi 141 kawasan perindustrian sedia ada ke dalam Portal MIDA GIS yang baharu;
- ii. Melaksanakan proses geocode ke atas maklumat syarikat;
- iii. Melaksanakan integrasi MIDAGIS dengan sistem PACU2u;
- iv. Menggunakan fasiliti API yang disediakan oleh Pusat Geospatial Negara (PGN) untuk mendapatkan maklumat infrastruktur seperti lebuhraya, pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya.

4.8 PEMASANGAN SISTEM

Syarikat dikehendaki menjalankan pemasangan dan menkonfigurasi server hosting bagi Portal MIDA GIS :

- i. Portal MIDA GIS perlu dipasang dan diletakkan di *cloud hosting* yang disediakan oleh MIDA. *Cloud hosting* MIDA menggunakan CentOS v7.9.2009 sebagai *operating system* yang mana telah tersedia PHP dan MySQL.
- ii. Memastikan sistem dipasang di dalam server dan boleh dicapai melalui Sistem Rangkaian Komputer (network) MIDA, MIDA Dalam Negeri, MIDA Luar Negara dan *public*.
- iii. Memastikan konfigurasi perisian sistem yang terlibat berjaya tanpa ada error/bug bagi memastikan sistem aplikasi berfungsi dengan baik dan dapat diakses pengguna.
- iv. Pemasangan dan konfigurasi ini disahkan berjaya setelah peringkat UAT, FAT dan go live sistem berjalan dengan lancar.

5.0 KEPERLUAN PELAKSANAAN

5.1 *Project Approach*

Pihak Syarikat dikehendaki menyatakan kaedah pembangunan Portal MIDA GIS.

5.2 *Project Management Plan/Schedule*

Pihak Syarikat perlu menyatakan perancangan pengurusan projek / timeline secara terperinci.

5.3 *Project Team Structure*

Pihak Syarikat perlu menyatakan struktur pasukan dari segi peranan, umur, tahun pengalaman, warganegara, akademi , kelayakan profesional dan pengalaman pernah terlibat dalam projek seperti ini. Selain itu , syarikat perlu menyatakan pengalaman projek termasuk projek terkini dan yang telah selesai, khusus kepada pembangunan melibatkan *Geographic Information System (GIS)*.

5.4 *Perkakasan Untuk Pembangunan dan Pengujian*

Peralatan dan perkakasan yang diperlukan bagi tujuan pembangunan dan pengujian sistem (antaranya development PC, development / testing server) akan disediakan oleh syarikat.

5.5 *Pemantauan dan Laporan Projek*

Pihak Syarikat diperlukan untuk menyediakan dan mengemukakan laporan mingguan yang akan membolehkan MIDA untuk memantau perkembangan projek sepanjang tempoh projek.

5.6 *Dokumentasi dan Source Code*

- i. Menyerahkan source code sistem yang dibangunkan dalam bentuk softcopy kepada MIDA.
- ii. Menyediakan dokumentasi (**User Requirement Specification(URS)**, **System Design Specification (SDS)**, panduan pengguna dan lain-lain dalam bentuk softcopy dan hardcopy).

5.7 *Latihan dan Transfer of Technology (TOT)*

- i. Menyediakan latihan kepada pengguna MIDA;

- ii. Menyediakan latihan teknikal bagi produk yang dicadangkan kepada pegawai teknikal MIDA;
- iii. Menyediakan TOT bagi keseluruhan sistem yang dicadangkan kepada pegawai teknikal MIDA.

5.8 Jaminan

Tempoh jaminan satu (1) tahun selepas Penerimaan Akhir sistem.

- 5.9 MIDA berhak menerima keseluruhan atau sebahagian cadangan yang ditawarkan oleh pihak syarikat.

6.0 TEMPOH

Syarikat dikehendaki untuk membangunkan dan melaksanakan sistem MIDA *Geographic Information System* (MIDA GIS) dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh Surat Tawaran (Letter of Award).

7.0 CADANGAN FORMAT MAKLUMBALAS

- Syarikat perlu menyatakan cadangan mengikut format yang disediakan di bawah.
 - (i) *Table of Contents*
 - (ii) *Executive Summary*
 - *Short summary of company profile*
 - *It shall include a description of Vendor's understanding of the project objectives, implementation approach and how these will be achieved.*
 - (iii) *Cover Letter*
 - *Name of person(s) who will be the principal contact authorised to make commitments for the Vendor;*
 - *Address, telephone number, fax number and e-mail address*
 - (iv) *Solution Specification Section*
 - *Introduction*
 - *Background Information*
 - *Objectives*

- *Scope of Work*
 - *Deliverables*
 - *Appendices*

- Syarikat perlu mengemukakan dua (2) salinan *hard-copy* dan satu (1) *soft-copy* dalam Ms Word.


- Syarikat perlu mengisi dan mengemukakan **Jadual Maklumbalas** seperti berikut:-

No.	Appendix	Tajuk
1.	Appendix 1	<i>Executive Summary</i>
2.	Appendix 2	<i>Technical and Implementation Requirements.</i>
3.	Appendix 3	<i>Summary of Proposed System Component</i>
4.	Appendix 4	<i>Project Implementation Plan</i>
5.	Appendix 5	<i>Proposed Project Team</i>
6.	Appendix 6	<i>Project Experiences – Current and Completed Projects</i>
7.	Appendix 7	<i>Project Cost</i>

BAB 3
JADUAL MAKLUMBALAS TEKNIKAL

APPENDIX 1

Executive Summary



APPENDIX 2**TECHNICAL AND IMPLEMENTATION REQUIREMENTS**

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
TECHNICAL REQUIREMENTS			
Syarikat dikehendaki menambahbaik MDA GIS dengan memenuhi keperluan tetapi tidak terhad kepada keperluan yang dinyatakan:			
1.	MEMBANGUNKAN PORTAL MIDA GIS		
	i. Membina dan menyediakan portal MIDA GIS yang baharu dengan rekabentuk yang menarik, mesra pengguna dan terkini serta mematuhi garis panduan jenama MIDA. Rujuk Lampiran 2 – MIDA Branding Guidelines. Syarikat boleh mencadangkan pembangunan semula MIDA GIS;		
	ii. Portal MIDA GIS perlulah menyediakan fungsi-fungsi berikut:		
	• Pendaftaran pengguna;		
	• Paparan maklumat kawasan perindustrian dan syarikat pada koordinat yang tepat, peta dan lokasi, infrastruktur dan fasiliti serta fungsi		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	<p><i>navigation;</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Paparan maklumat adalah mengikut peringkat pengguna; • Menyediakan maklumat fasiliti-fasiliti yang ada di Malaysia secara integrasi API dengan data yang disediakan oleh Pusat Geospatial Negara (PGN); • Fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat mengikut geografi, poligon kawasan perindustrian, sektor dan syarikat, kesediaan infrastruktur dan fasiliti (eg. <i>point-of-interest</i>, logistic). • Fungsi perbandingan maklumat (<i>compare listing</i>); • Fungsi pengumuman / makluman terkini; • Ruangan jualan online untuk masa akan datang (penjualan data API, sewaan ruang iklan dan sebagainya); • Mencetak dan ekspot maklumat ke format PDF, CSV dan XLSX; dan • Perkongsian maklumat di sosial media. 		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	<p>iii. Menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) mockups rekabentuk portal termasuk landing page, secondary page, dashboard dan pendaftaran pengguna</p>		
	<p>iv. Membina Portal MIDA GIS dengan menggunakan platform perisian Open Source dan pengaturcaraannya perlulah berasaskan PHP Object Oriented Framework Laravel</p>		
	<p>v. Menyediakan fungsi Hits pelawat;</p>		
	<p>vi. Kebolehaksesan World Wide Web Consortium (W3C)</p>		
	<p>vii. Memastikan halaman boleh dicapai dengan pantas</p>		
	<p>viii. Memastikan portal mempunyai ciri printer friendly</p>		
	<p>ix. Membangunkan di atas infrastruktur berdasarkan web di bawah pelayar web biasa (i.e. Internet Explorer (IE), Google Chrome, Mozilla Firefox, Safari)</p>		
	<p>x. Memastikan portal MIDA GIS yang dibangunkan harus serasi dengan platform peranti mudah alih (i.e. iOS, Android)</p>		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
xi.	Memastikan portal MIDA GIS dilindungi daripada ancaman pencerobohan		
xii.	Memastikan kaedah enkripsi HTTPS digunakan bagi setiap transaksi diantara pelayan dan pengguna portal		
xiii.	Memastikan keperluan sekuriti minima telah dilaksanakan seperti di bawah dan boleh mencadangkan pendekatan lain yang sesuai. <ul style="list-style-type: none"> • pengesahan log masuk pengguna • perlindungan dari serangan cross-site scripting (XSS) • perlindungan daripada serangan SQL injection; • Secured Socket Layer (SSL) • validasi domain atau emel bagi mana-mana input emel • User session management. 		
xiv.	Membaca dan menyimpan maklumat pemetaan kawasan bagi setiap IE dan syarikat ke dalam pangkalan data.		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
xv.	Paparan peta asas menggunakan peta daripada service provider samada dalam format vector atau raster.		
2.	<p>MODUL PENDAFTARAN PENGGUNA</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan fungsi pendaftaran pengguna, kemaskini maklumat profail dan change/forgot password ii. Menambah ciri keselamatan reCaptcha pada halaman log masuk dan pendaftaran untuk mengenalpasti pengguna yang sah. 		
3.	<p>MODUL UNTUK PEMAJU/PENGURUS KAWASAN PERINDUSTRIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan fungsi penyimpanan dan kemaskini maklumat profail pemaju/pengurus kawasan perindustrian. Maklumat pemaju/pengurus kawasan perindustrian adalah tidak terhad kepada maklumat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Developer's Name</i> • <i>List of Industrial Park</i> • <i>Contact Person</i> 		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	<ul style="list-style-type: none"> • Email • Contact Number • Email • Any pictures related to Industrial Park <p>ii. Menyediakan fungsi penyimpanan maklumat kawasan perindustrian. Maklumat perindustrian adalah tidak terhad kepada maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Industrial Park Name • State • Sector/Industry Groups • Sub-Sectors • Products • Pemetaan poligon (sempadan kawasan perindustrian) secara digitize • Any pictures related to Industrial Park 		
iii.	Menyediakan fungsi kemaskini, save as draft, publish, unpublish maklumat kawasan perindustrian		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	<p>iv. Menyediakan fungsi 'auto reminder e-mail' bagi pengemaskinian maklumat</p> <p>v. Menyediakan fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat mengikut geografi, sektor, kesediaan infrastruktur dan fasiliti (eg. point-of-interest, logistic).</p>		
4.	<p>MODUL UNTUK SYARIKAT</p> <p>i. Menyediakan fungsi penyimpanan maklumat profail syarikat. Maklumat syarikat adalah tidak terhad kepada maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Company Name • ROC No • SSM No • Contact Person • Email • Contact Number • Email • Address • Status 		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	<ul style="list-style-type: none"> • Industry Group • Products • Location Coordinate • Attachment document for verification by MIDA 		
ii.	Menyediakan fungsi kemaskini, save as draft, publish, unpublish maklumat syarikat		
iii.	Menyediakan fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat		
5.	MODUL UNTUK PENTADBIR SISTEM (SYSTEM ADMINISTRATOR) Menyediakan fungsi fasiliti untuk Pentadbir Sistem (System Administrator) bagi.		
i.	Mengesahkan pendaftaran pemaju/pengurus kawasan perindustrian dan syarikat.		
ii.	Menyediakan fungsi kemaskini, save as draft, publish, unpublish maklumat kawasan perindustrian dan syarikat.		
iii.	Mengurus dan mengemaskini maklumat rujukan seperti Industry Group, Sub-Sector.		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
iv.	Menyediakan User Access Management Module di mana maklumat yang dibenarkan untuk dipaparkan diskrin mengikut kategori pengguna sistem (Pemaju kawasan perindustrian, syarikat/organisasi / individual public / kakitangan MIDAS).		
v.	Menyediakan fasiliti upload data ke back-end / database		
vi.	Menyediakan fasiliti download maklumat dalam format excel / pdf.		
vii.	Menyediakan fungsi untuk mencari, memapar dan mencetak maklumat mengikut geografi, sektor, kesediaan infrastruktur dan fasiliti (eg. point-of-interest, logistic).		
6.	DASHBOARD & ANALISA PELAPORAN Syarikat dikehendaki melaksanakan tidak terhad kepada keperluan berikut: i. Menyediakan dashboard untuk semua jenis pengguna		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	<ul style="list-style-type: none"> ii. Menyediakan pelaporan statistik berdasarkan kawasan perindustrian, syarikat, jenis industri/sektor, negeri dan sebagainya. iii. Menyediakan fungsi cetak dan ekspot data ke format Excel, Word dan PDF. iv. Memastikan terdapat ciri audit trail dan pelaporan analitik bagi tujuan menganalisis data dan demografi pengguna portal. 		
7.	MIGRASI DATA SEDIA ADA, INTEGRASI (API) DAN GEOCODE <p>Syarikat dikehendaki melaksanakan tidak terhad kepada keperluan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan migrasi data/maklumat bagi 141 kawasan perindustrian sedia ada ke dalam Portal MIDAGIS yang baharu. ii. Melaksanakan proses geocode ke atas maklumat syarikat. iii. Melaksanakan integrasi MIDAGIS dengan sistem PACU2u. 		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
iv.	Menggunakan fasiliti API yang disediakan oleh Pusat Geospatial Negara (PGN) untuk mendapatkan maklumat infrastruktur seperti lebuhraya, pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya.		
8.	<p>PEMASANGAN SISTEM</p> <p>Syarikat dikehendaki menjalankan pemasangan dan menkonfigurasi server hosting bagi Portal MIDAS : </p> <ol style="list-style-type: none"> Portal MIDAS perlu dipasang dan diletakkan di cloud hosting yang disediakan oleh MIDAS. Cloud hosting MIDAS menggunakan CentOS v7.9.2009 sebagai operating system yang mana telah tersedia PHP dan MySQL. Memastikan sistem dipasang di dalam server dan boleh dicapai melalui Sistem Rangkaian Komputer (network) MIDAS, MIDAS Dalam Negeri, MIDAS Luar Negara dan public. Memastikan konfigurasi perisian sistem yang terlibat berjaya tanpa ada error/bug bagi memastikan sistem aplikasi berfungsi dengan baik dan dapat diakses 		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
	pengguna.		
iv.	Pemasangan dan konfigurasi ini disahkan berjaya setelah peringkat UAT, FAT dan go live sistem berjalan dengan lancar.		
9.	Project Approach Pihak Syarikat dikehendaki menyatakan kaedah pembangunan Portal MIDA GIS.		
10.	Project Management Plan/Schedule Pihak Syarikat perlu menyatakan perancangan pengurusan projek / timeline secara terperinci.		
11.	Project Team Structure Pihak Syarikat perlu menyatakan struktur pasukan dari segi peranan, umur, tahun pengalaman, warganegara, akademi , kelayakan profesional dan pengalaman pernah terlibat dalam projek seperti ini. Selain itu , syarikat perlu menyatakan pengalaman projek termasuk projek terkini dan yang telah selesai, khusus kepada pembangunan melibatkan Geographic Information System (GIS).		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
12.	Perkakasan Untuk Pembangunan dan Pengujian Peralatan dan perkakasan yang diperlukan bagi tujuan pembangunan dan pengujian sistem (antaranya development PC, development / testing server) akan disediakan oleh syarikat.		
13.	Pemantauan dan Laporan Projek Pihak Syarikat diperlukan untuk menyediakan dan mengemukakan laporan mingguan yang akan membolehkan MIDA untuk memantau perkembangan projek sepanjang tempoh projek.		
14.	Dokumentasi dan Source Code <ul style="list-style-type: none"> i. Menyerahkan source code sistem yang dibangunkan dalam bentuk softcopy kepada MIDA. ii. Menyediakan dokumentasi (User Requirement Specification(URS), System Design Specification (SDS), panduan pengguna dan lain-lain dalam bentuk softcopy dan hardcopy. 		

No.	Description	Comply (Yes/No)	Response/Proposal
15.	<p>Latihan dan Transfer of Technology (TOT)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan latihan kepada pengguna MIDA; ii. Menyediakan latihan teknikal bagi produk yang dicadangkan kepada pegawai teknikal MIDA; iii. Menyediakan TOT bagi keseluruh sistem yang dicadangkan kepada pegawai teknikal MIDA. 		
16.	<p>Jaminan</p> <p>Tempoh jaminan satu (1) tahun selepas Penerimaan Akhir sistem.</p>		

APPENDIX 3

SUMMARY OF PROPOSED SYSTEM COMPONENT



APPENDIX 4

PROJECT IMPLEMENTATION PLAN

No.	Activities	Start Date	End Date

BAB 4

KETERANGAN MENGENAI KAKITANGAN & PENGALAMAN SYARIKAT

PROPOSED PROJECT TEAM

APPENDIX 5

Area of Expertise (Role)	Name	Age	Years of Experience	Citizenship (Malaysian /Non Malaysian)	Academic & Professional Qualification	Experience of Previous Similar Project

Note:

The Curriculum Vitae (CV) of each proposed project team member is to be submitted as attachment.

APPENDIX 6

PROJECT EXPERIENCES – CURRENT AND COMPLETED PROJECTS

Project Name	Individual/ Partners (Provide partner's company name)	Contract Value (RM)	Duration (Month)	Date of Project (Start - End)	Current Status (%)	Project Manager/ Lead	Agencies Name, Address, Telephone No. & Contact Person
List of Current Project							
List of Completed Project							

BAB 4

JADUAL MAKLUM BALAS HARGA

APPENDIX 7

MIDA berhak menerima keseluruhan atau sebahagian cadangan yang ditawarkan oleh pihak syarikat.

No.	Professional Services / Solution	Quantity	Unit Price (RM)	Amount (RM)
A	KOMPONEN UTAMA			
1	PORTAL MIDA GIS			
2	MODUL PENDAFTARAN PENGGUNA			
3	MODUL UNTUK PEMAJU/PENGURUS KAWASAN PERINDUSTRIAN			
4	MODUL UNTUK SYARIKAT			
5	MODUL UNTUK PENTADBIR SISTEM (SYSTEM ADMINISTRATOR)			

No.	Professional Services / Solution	Quantity	Unit Price (RM)	Amount (RM)
6	DASHBOARD & ANALISA PELAPORAN			
7	MIGRASI DATA SEDIA ADA, INTEGRASI (API) DAN GEOCODE			
	i. Migrasi data/maklumat bagi 141 kawasan perindustrian sedia ada ke dalam Portal MIDA GIS yang baharu			
	ii. Fasiliti API yang disediakan oleh Pusat Geospatial Negara (PGN) untuk mendapatkan maklumat infrastruktur seperti lebuhraya, pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya			
8	PEMASANGAN SISTEM			
9	LATIHAN DAN TRANSFER OF TECHNOLOGY (TOT)			
			Sub Total (RM)	

No.	Professional Services / Solution	Quantity	Unit Price (RM)	Amount (RM)
B	OPTIONAL			
	MIGRASI DATA SEDIA ADA, INTEGRASI (API) DAN GEOCODE			
	i) proses geocode ke atas maklumat syarikat			
	ii) integrasi MIDAGIS dengan sistem PACU2u			
			Sub Total (RM)	
C	PRODUCT / SOFTWARE / LICENSE			
	Product / Software / License			
			Sub Total (RM)	
			Total (A + B + C)	
			SST 6%	
			GRAND TOTAL (RM)	

Note:

Please include upgrade cost (wherever applicable) if the recommendations involve upgrade of software/license.

RINGKASAN KOS PROJEK

MIDA berhak menerima keseluruhan atau sebahagian cadangan yang ditawarkan oleh pihak syarikat.

	KOMPONEN	HARGA
A	KOMPONEN UTAMA	
B	OPTIONAL	
C	PRODUCT / SOFTWARE / LICENSE	
		JUMLAH (RM)
		SST 6%
		JUMLAH KESELURUHAN (RM)

BAB 6

BUTIR-BUTIR PENYEBUTHARGA & MAKLUMAT KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat perlu mengisi dengan lengkap semua seksyen dalam borang ini. Sekiranya ruang tidak mencukupi, maklumat boleh dikemukakan dalam kertas berasingan.

A. **MAKLUMAT AM**

1. Nama Syarikat :
2. Alamat :
3. No. Telefon :
4. No. Faks :
5. Emel :
6. Tarikh Pendaftaran / :
Penubuhan
7. No. Daftar Syarikat / :
Perniagaan
8. Tempat Pendaftaran/ :
Penubuhan
9. Komposisi Pemegang :
Saham

No.	Nama Pemegang Saham	Jawatan	% Pegangan

10. Peratusan Penyertaan Bumiputera : _____ (%). (Sila kemukakan maklumat lanjut atau salinan sah pendaftaran sebagai Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan).
11. Maklumat Pendaftaran Kementerian Kewangan

No.	No. Pendaftaran	No. bidang	Butiran / Keterangan	Tempoh Sah

Nota : Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran.

12. Struktur Modal Syarikat :

- (i) **Modal Dibenarkan** :
- (ii) **Modal Berbayar** :

B. KEWANGAN

- a. Ringkasan aset dan tanggungan berdasarkan akaun yang diaudit bagi tiga (3) tahun terakhir.

Tahun Kewangan:	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
- Jumlah Aset			
- Aset Semasa			
- Jumlah Tanggungan			
- Tanggungan Semasa			
- Nilai Bersih			
- Modal Kerja			

- b. Bank-bank Utama:

No.	Nama Bank & Alamat	Jenis Akaun
1.		
2.		
3.		

- c. Kemudahan Kredit (Jenis dan jumlah kredit yang boleh disediakan oleh syarikat:)

No.	Jenis Kemudahan Kredit	Bank/Institusi Kewangan	Jumlah (RM)
1.			
2.			
3.			

Nota:

Penyata Bank bagi tempoh tiga (3) bulan terakhir hendaklah disertakan bersama-sama serahan borang sebutharga.

LAMPIRAN SEMAKAN

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN MIDA *GEOGRAPHIC INFORMATION CENTRE (GIS)*

SEBUTHARGA MIDA BIL: 15/2022

Sila tandakan (✓) bagi Dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara / Dokumen	Semakan oleh Syarikat	Semakan oleh MIDA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (MOF)		
2.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan (MOF) – jika ada		
3.	Salinan Sijil Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
4.	Surat Akuan Penyebutharga (Bab 1)		
5.	Surat Akuan Pembida (Bab 1)		
6.	Jadual Maklumbalas Teknikal (Bab 3)		
7.	Pengalaman/Projek Syarikat (Bab 4)		
8.	Jadual Maklumbalas Harga (5)		
9.	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat (Bab 6)		
8.	Penyata Bulanan Akaun bagi 3 bulan terakhir		
9.	Lain-lain dokumen berkaitan (jika ada)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENGESAHAN OLEH MIDA

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada) :-

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

